

# Takwim Kewangan

## 2003

### 30 Mei

Pengumuman keputusan penyatuan yang diaudit dan dividen untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2003.

### 15 Ogos

Pengumuman keputusan penyatuan sebelum diaudit untuk suku pertama tahun kewangan berakhir 30 Jun 2003.

### 28 Ogos

Notis Pemberitahuan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-40, Notis Kelayakan dan Pembayaran Dividen, dan Laporan Tahunan untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2003.

### 5 September

Notis Pemberitahuan Mesyuarat Agung Luar Biasa bagi Mandat Pemegang Saham Bagi Urus Niaga Pihak Berkaitan Berulang.

### 22 September

Mesyuarat Agung Tahunan Ke-40 dan Mesyuarat Agung Luar Biasa.

### 29 September

Tarikh Kelayakan dividen pertama dan akhir.

### 14 Oktober

Pembayaran dividen pertama dan akhir sebanyak 10.0% tolak cukai untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2003.

### 21 November

Pengumuman keputusan penyatuan sebelum diaudit untuk setengah tahun kewangan berakhir 30 September 2003.

## 2004

### 27 Februari

Pengumuman keputusan penyatuan sebelum diaudit untuk suku ketiga tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003.

### 31 Mei

Pengumuman keputusan penyatuan yang diaudit dan dividen untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004.

### 3 September

Notis Pemberitahuan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-41, Notis Kelayakan dan Pembayaran Dividen, dan Laporan Tahunan untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004.

### 27 September

Mesyuarat Agung Tahunan Ke-41.

## Takwin Korporat

## 2003

### 9 Julai

Syarikat mengumumkan bahawa Bank Negara Malaysia (BNM) telah memberi kebenaran kepada AMMB Holdings Berhad untuk memulakan perbincangan dengan Commerce Asset Holding Berhad mengenai kemungkinan penggabungan AmBank Berhad dengan Bumiputra-Commerce Bank Berhad dan AmFinance Berhad dengan Bumiputra-Commerce Finance Berhad. Kelulusan BNM ini adalah untuk tempoh sehingga 15 September 2003.

## 2004

### 25 Februari

Pengumuman bahawa subsidiari milik penuhnya, AmFinance, telah menandatangani perjanjian penjualan dan pembelian bersyarat dengan MBF Corporation Berhad bagi penjualan semua 100.0% kepentingan ekuitinya dalam MBF Property Trust Management Berhad berjumlah 1,000,000 saham biasa dengan pertimbangan tunai sebanyak RM1.00.

### 26 Februari

Pengumuman bahawa Horizon View Sdn Bhd (HVS) dan MBF Venture Partners Berhad (MVP), sebagai subsidiari AmFinance, telah dikeluarkan daripada Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan dibubarkan. Kedua-dua HVS dan MVP tidak memulakan operasi mereka sejak ditubuhkan masing-masing pada 28 Oktober 1991 dan 26 Oktober 1993.

### 27 Februari

Pengumuman cadangan penswastaan AMFB Holdings Berhad (AMFB), melalui pengambilalihan oleh AMMB Holdings Berhad ke atas saham biasa AMFB yang tinggal yang masih belum dimiliki oleh AMMB Holdings Berhad.



# Takwim Peristiwa-peristiwa Penting



## Aktiviti Perniagaan

April 2003 hingga Jun 2004

▲ Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim, Pengurus Kumpulan AmBank (kanan) bersama Encik Mohamed Azmi Mahmood, Ketua Perbankan Runcit, Kumpulan AmBank menunjukkan Kumpulan sentiasa mengutamakan pelanggan.



▲ Pelancaran Redhall Gallery – Encik Mohamed Azmi Mahmood (paling kiri) bersama Y Bhg Dato' Jegathesan, Divisyen Perancangan Sumber e-Pedas Enterprise dan Encik Jim Cheah, Timbalan Presiden & Pengurus Kanan Rantau, Mastercard International – suatu usaha sama untuk kemudahan pelanggan kumpulan AmBank.

Meningkatkan khidmat pelanggan – Encik Mohamed Azmi Mahmood (kedua dari kanan) bersama Encik Mahdi Murad (paling kiri), Dr Chin, Pengarah Pengurusan, KPMG Consulting Sdn Bhd dan Encik Hawker, Pengarah Serantau, Experian (Asia Pacific).

### Mei 2003

- Kumpulan mengambil bahagian di Persidangan Perbankan Tahunan yang dianjurkan oleh Institut Kepimpinan Strategik Asia (Asia Strategic Leadership Institute atau ASLI)

### Jun 2003

- Kumpulan AmBank melancarkan Kempen 'Mengutamakan Pelanggan' sempena pengudaraan siri iklan Kumpulan melalui stesen penyiaran tempatan
- Kumpulan melancarkan Perkhidmatan Perancangan Kewangan Peribadi, satu perkhidmatan kewangan yang menawarkan nasihat kepada pelanggan mengenai produk yang bersesuaian dengan keperluan kewangan mereka
- Kumpulan melancarkan Kad Redhall Gallery konsep 'Mall-on-Call' yang pertama di Malaysia yang menggunakan kad kredit bebas faedah
- Kumpulan AmBank telah memperoleh sistem pemarkahan kredit Experian dari KPMG dan Experian



### Julai 2003

- Kumpulan AmBank mengumumkan para pemenang Peraduan AmAZING Kumpulan AmBank

### Ogos 2003

- Cawangan-cawangan AmFinance di seluruh Malaysia mula menawarkan kemudahan akaun semasa konvensional dan Islam
- Kempen kedua "Let's Duit!" telah dilancarkan dengan pemohon-pemohon yang berjaya menerima baucar hadiah telefon bimbit

### September 2003

- Kumpulan AmBank dan Swedish Marque, pengedar kenderaan Volvo, mengumumkan perjanjian persefutuan strategik untuk memperkenalkan pakej 'StarPlus' yang eksklusif

### Oktober 2003

- Kumpulan AmBank berserta sebagai Bank Rasmi dan Agen Forex Ekspos Persidangan OIC dan Forum Perniagaan OIC yang telah dianjurkan oleh ASLI

- Kumpulan AmBank telah mengambil bahagian dalam ekspos Minggu Perbankan Islam dan Tafakul (Islamic Banking and Tafakul Week [IBTW]) dan telah menyumbang sejumlah RM56,900

### November 2003

- Kumpulan AmBank melancarkan AmMobile, yang membolehkan pelanggan-pelanggan prabayar Celcom untuk membayar nilai masa siaran prabayar serta laluan rangkaian secara automatik melalui Short Messaging Service (SMS)

### Disember 2003

- Kempen kad kredit "Let's Duit!" Kumpulan AmBank telah memenangi "Anugerah Kempen Terbaik di Malaysia" di Promotion Marketing Awards of Asia (PMAA) di Singapura
- Kumpulan AmBank menduduki tempat 10 teratas dalam kategori "Perkhidmatan yang Inovatif untuk Memenuhi Keperluan Pelanggan di Malaysia" di pemeringkatan REVIEW 200 Far Eastern Economic Review ke-11 bagi syarikat-syarikat Asia yang utama



▲ Pemenang Peraduan AmAZING, Encik Sean Gallyot (kiri) menerima tiket contoh dari Encik Mohamed Azmi Mahmood.



▼ Telefon bimbit percuma untuk para pelanggan Kumpulan AmBank di Jerayawara Kempen "Let's Duit" - Encik Mohamed Azmi Mahmood (kanan) bersama Mr Suresh Nanoo, Pengurus Besar Kanan, Pemasaran Kumpulan, Kumpulan AmBank.



▲ Pelancaran AmMobile Banking - Encik Mohamed Azmi Mahmood (kiri) bersama Encik Zubir A. Rashid, Ketua Pengurusan Pelanggan Kumpulan dan Data Mobil Celcom.



◀ Upacara pelancaran rasmi "Let's Duit Click Click" - Ketua Perbankan Runcit Kumpulan AmBank, Encik Mohamed Azmi Mahmood (kanan), bergambar dengan Kad Kredit Emas Kumpulan AmBank semasa Encik Eu Hong Chong (tengah), Ketua Pegawai Eksekutif I-Berhad, memegang kamera baru 2.0 mega pixel i-Digital Camera bersama Encik Douglas M Boles (kiri), Pengurus Kanan Penjanaan Korporat, Samsung Malaysia Electronics.



◀ Encik Mohamed Azmi Mahmood (kiri) dan Encik Iain Moss, Timbalan Presiden dan Rakan Kongsi, Perbankan, Unisys Asia Pacific mengukuhkan sistem pengurusan perhubungan pelanggan (Customer Relationship Management System, CRMS) Kumpulan.



▶ Encik Mohamed Azmi Mahmood, (paling kiri) bertukar-tukar dokumen dengan Encik Alfian Mohd Basir, Pengarah Eksekutif NasionCom Berhad, disaksikan oleh Y B Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi.

#### Januari 2004

- Kumpulan AmBank melancarkan kempen "Let's Duit!" yang ketiga, "Let's Duit Click Click", yang memberi hadiah kepada setiap ahli kad kredit yang telah diluluskan
- Kumpulan AmBank telah melantik Unisys untuk mengukuhkan sistem pengurusan perhubungan pelanggan (Customer Relationship Management System [CRMS])

#### Februari 2004

- Kumpulan melancarkan pakej pinjaman perumahan "HomeFree" yang telah diperingkatkan, yang menjanjikan pelbagai faedah
- AmFinance menandatangani perjanjian persekutuan strategik dengan PUSPAKOM untuk memperkenalkan pemeriksaan PUSPAKOM dalam semua kenderaan terpakai sebelum kemudahan pembiayaan diluluskan



Menyambut kedatangan tuah untuk pembeli rumah adalah Encik Mohamed Azmi Mahmood, Ketua Perbankan Runcit Kumpulan AmBank, bersama "singa" di pelancaran pakej pembiayaan perumahan "HomeFree".

#### Mac 2004

- Pengurus Kumpulan, Tan Sri Dato' Azman Hashim, memperkenalkan satu sesi di Forum Kepimpinan ASEAN yang telah dianjurkan oleh ASLI dan Forum Perniagaan ASEAN (ASEAN Business Forum atau ABF), bersama dengan Sekretariat ASEAN

#### April 2004

- Kumpulan AmBank menandatangani perjanjian persekutuan bersama NasionCom Berhad, yang membenarkan pelanggan korporat Kumpulan AmBank yang wujud membayar bil-bil secara dalam talian melalui Perbankan Dalam Talian AmDirect

#### Jun 2004

- AmFinance Berhad bersama enam syarikat kewangan yang lain untuk memperkenalkan pemeriksaan PUSPAKOM dalam semua kenderaan terpakai sebelum kemudahan pembiayaan diluluskan
- Kumpulan AmBank mengumumkan pemenang bulan April bagi peraduan "Let's Duit Dream Charge"



▶ Encik Suresh Nanoo (kanan) bersama pemenang "Let's Duit Dream Charge".



60



▲ Pengurus Kumpulan AmBank Tan Sri Dato' Azman Hashim (ketiga dari kiri) bersama para pencera mahasiswa Kepimpinan ASLI. Dari kiri ke kanan: John Bonnel, Rakan Kongsi Automotive Resources Asia Ltd, Bangkok; Dr Darwin Silalahi, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan Kanan Booz Allen Hamilton Indonesia; dan Tony Fernandes, Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia Sdn Bhd.

Perkongsian yang bermanfaat – Y B Datuk Hj Mohd Shafie Hj Apdal, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (ketiga dari kiri) dan Y Bhg Tan Sri Dato' Seri (Dr) Mohd Saleh Sulong, Pengurus Kumpulan DRB-Hicom Berhad (kelima dari kiri) melihat dokumen perjanjian, sementara wakil-wakil dari institusi kewangan yang lain, termasuk En Mahdi Murad, Pengarah Eksekutif AmFinance Berhad (keempat dari kiri) memerhati implementasi skim pemeriksaan wajib kenderaan terpakai AmFinance-PUSPAKOM.

